

Ahli Parlimen didapati bersalah tetap diambil tindakan

UM 4 OCT 2003

LANGKAWI 3 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan akan tetap mengambil tindakan terhadap Ahli Parlimen yang didapati bersalah tanpa mengira daripada pihak kerajaan atau pembangkang.

Beliau berkata, sekiranya mereka melakukan perkara-perkara yang menyalahi undang-undang dan peraturan, tindakan akan dikenakan ke atas mereka.

“Kalau dia buat benda yang salah, kita akan ambil tindakan. Soal siapa tidak timbul,” tegasnya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran dan Tandatanganan Pempamer Bagi Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2005 (LIMA '05) yang dijadualkan berlangsung pada 6 hingga 11 Disember 2005 di sini hari ini.

Dr. Mahathir merujuk kepada kes

tuntutan melebihi kebiasaan oleh 14 Ahli Parlimen yang kini disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Berdasarkan senarai siasatan itu, Mohd. Apandi Mohamad (Jeli) di tempat teratas yang membuat tuntutan melebihi jumlah itu sebanyak 10 kali.

Ia diikuti Ahli Parlimen Lubuk Antu, Jawah Gerang (empat kali), Ahli Parlimen Kemaman, Abdul Rahman Yusof (dua kali) manakala Abdul Fatah Harun (Rantau Panjang), Lau Hoi Chew (Sibu), Datuk Mastika Junaidah Husin (Arau), Kong Cho Har (Lumut), Hoo Seong Chang (Kluang), Lim Bee Kau (Padang Serai), Goh Kheng Huat (Nibong Tebal), Mohd. Yusoff Mohd Nor (Machang), Ramli Ibrahim (Kota Bharu), Abu Bakar Othman (Jerlun) dan Mohd. Nasir Che Daud (Kuala Krai), masing-masing sekali.